

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI – BN]**

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap kebolehpasaran pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sejauh manakah peruntukan RM200 juta yang diperuntukkan untuk IKBN dalam Bajet 2014 dapat memperkasakan institusi ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Kebolehpasaran Graduan IKBN yang telah dijalankan pada tahun 2013 ke atas 1,489 orang graduan lepasan IKBN 2012 mendapati bahawa:-
 - (a) seramai 935 orang atau 63% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 hingga 12 bulan;
 - (b) lepasan yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi berjumlah 306 orang atau 20%; dan
 - (c) peratus lepasan yang sedang mencari pekerjaan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 17% bersamaan 248 orang.
2. Nilai kebolehpasaran bagi graduan IKBN ini diukur berdasarkan bilangan graduan yang bekerja serta sedang menyambung pengajian.
3. Hasil kajian kebolehpasaran ini membuktikan bahawa graduan lepasan IKBN memiliki kemahiran yang bertepatan dengan kehendak industri dan pasaran kerja semasa. Pada masa hadapan kajian kebolehpasaran juga akan menjalankan kajian secara kualitatif untuk mengukur kebolehpasaran graduan IKBN, selaras dengan pelan pembangunan IKBN yang sedang dijalankan pada waktu ini.

SULIT

4. Bagi tujuan memperkasakan institusi IKBN melalui peruntukan yang diterima dalam Bajet 2014, kementerian telah merancang perlaksanaan dua syif ‘*double shift*’ dalam pelbagai bidang latihan di IKBN sebagai usaha untuk memberi lebih banyak peluang latihan kemahiran kepada belia disamping dapat mengoptimakan kapasiti IKBN sedia ada.
5. Perlaksanaan ini akan bermula secara berperingkat mulai tahun 2014 dimana penambahan enrolmen pelajar daripada 10,000 orang masa ini meningkat kepada 15,000 orang dengan pertambahan seramai 5,000 orang pelajar menjelang 2016.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 6

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD

KAWASAN : SHAH ALAM

TARIKH : 31 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status terkini pembinaan Hospital Shah Alam dan kos keseluruhan pelaksanaan projek hospital.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini iaitu 31 Mac 2014, projek membina Hospital Shah Alam, Selangor telah mencatatkan kemajuan siap 100% untuk skop struktur fizikal bangunan dan 86% untuk skop komponen peralatan, iaitu melibatkan pembelian, pemasangan dan pengujian peralatan hospital. Berdasarkan tempoh kontrak semasa, projek membina Hospital Shah Alam dijangka akan siap sepenuhnya pada 24 September 2014. Jumlah keseluruhan kos projek yang terlibat setakat ini ialah sebanyak RM550.8 juta, di mana daripada jumlah tersebut sebanyak RM410.8 juta ialah untuk kos kontrak semasa dan RM140 juta lagi melibatkan bayaran kos kontrak terdahulu yang telah ditamatkan pada bulan September 2010.

Sekian. Terima kasih.